

## Strategi Mesej Dalam Berita Harian Terhadap Kempen Diabetes Di Malaysia

*The Message Strategy on Berita Harian Towards Diabetes Campaign in Malaysia*

Aina Umairah Muhammad Dhalan

<sup>1</sup>Shamsiah Abd Kadir

Program Komunikasi Media  
Pusat Kajian Media dan Komunikasi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: <sup>1</sup>shamkadir@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Masalah diabetes semakin membimbangkan semua pihak terutama kerajaan dalam membendung masalah penyakit diabetes supaya tidak terus meningkat. Peranan media amat penting bagi memastikan semua maklumat dan mesej kesihatan yang berkaitan dengan diabetes dapat disebarluaskan dengan lebih meluas. Kajian ini mendapati bahawa strategi mesej yang digunakan dalam akhbar kurang berkesan untuk mengubah tingkah laku pembaca khususnya penghidap diabetes. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pemaparan arah berita dalam Berita Harian yang berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan menganalisis strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam akhbar tersebut untuk menyampaikan berita yang berkaitan dengan diabetes. Extended Parallel Process Model (EPPM) telah digunakan sebagai landasan kajian dan analisis kandungan kuantitatif telah dijalankan ke atas 25 berita berkaitan diabetes bermula pada tahun 2022 sehingga 2015. Hasil kajian mendapati bahawa strategi mesej yang digunakan oleh Berita Harian cenderung memaparkan strategi mesej ‘mengajar tentang risiko’. Kajian ini memberi implikasi kepada akhbar di mana strategi mesej berbentuk ‘seruan untuk bertindak’ perlu digunakan bagi memperkuatkan mesej kesihatan untuk memberi galakan kepada pembaca mengambil tindakan perubahan tingkah laku. Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik akan datang dalam mengkaji strategi mesej kesihatan dalam skop yang lebih luas seperti rencana dan komentar.*

**Kata kunci:** Strategi mesej, berita, kempen, diabetes, Extended Parallel Process Model (EPPM)

### ABSTRACT

*The issue of diabetes is increasingly concerning all parties, especially the government, in curbing the problem of diabetes so that it does not continue to increase. The role of media is crucial in ensuring that all information and health messages related to diabetes can be disseminated more widely. This study found that the message strategies used in newspapers are ineffective in changing readers behavior, especially those with diabetes. Therefore, this study was conducted to determine the direction of news coverage in Berita Harian related to the diabetes campaign in Malaysia. In addition, to determine and analyze health message strategies used in the newspaper in delivering news related to diabetes, the Extended Parallel Process Model (EPPM) was used as the basis of the study, hence the quantitative content analysis was conducted on 25 news articles related to diabetes in Berita Harian within 2022 until 2015. The study found that the message strategy used in Berita Harian tends to emphasize the message strategy of “educate about risk”. This study has implications for*

*newspapers where message strategies in the form of "calls to action" need to be used to strengthen health messages to encourage readers to change their behavior. The results of this study can be used as a reference for future researchers in studying health message strategies on a wider scope such as future writing and commentaries.*

**Keywords :** message strategies, news, campaign, diabetes, Extended Parallel Process Model (EPPM)

## 1. Pengenalan

Kebelakangan ini, pelbagai berita yang kita lihat dan dengar tentang penyakit-penyakit berbahaya yang menjadi ancaman utama kepada kesihatan tubuh badan penduduk di seluruh negara termasuk Malaysia. Antara penyakit-penyakit berbahaya adalah seperti kanser, penyakit jantung, diabetes dan strok. Setelah pelbagai kempen kesihatan dilancarkan seperti kempen “Cegah Kanser”, “Sayangi Jantung Anda” dan “Apa itu Angin Ahmar”.

Menurut Abdullah (2002) kempen didefinisikan sebagai salah satu langkah komunikasi yang digunakan secara meluas melalui strategi pemujukan yang dapat melangkaui khalayak sasaran. Kempen yang menggunakan alternatif media mempunyai 2 potensi dan keupayaan yang tinggi untuk menyebarkan mesej yang ringkas dan lebih berfokus kepada khalayak yang besar dari semasa ke semasa. Hal ini juga berkait rapat dengan penggunaan kos yang rendah untuk menyebarkan mesej (European Monitoring Centre for Drugs and Drug Addiction, 2013). Penggunaan kempen melalui media secara berterusan mampu mencapai khalayak sasaran yang lebih efektif meskipun hanya beberapa peratus daripada khalayak sasaran yang terpengaruh dengan mesej yang disampaikan (Atkin, 2009).

Diabetes merupakan sejenis penyakit kronik yang tidak berjangkit kesan daripada amalan gaya hidup dan pemakanan tidak sihat oleh sesetengah masyarakat pada hari ini. Keadaan ini berlaku apabila badan tidak dapat menghasilkan atau menggunakan hormon insulin untuk menukar gula, kanji dan makanan lain kepada tenaga (MyHealth, 2023). Sehingga tahun 2019, menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi mendapati kadar penghidap diabetes di Malaysia dianggarkan satu daripada lima orang dewasa bersamaan 3.9 juta orang yang berusia 18 tahun ke atas (NHMS, 2020).

Selain itu, masalah berat badan berlebihan atau obesiti semakin meningkat di kebanyakan negara dengan corak perubahan yang ketara di seluruh negara (Hayati Adilin Mohd Abd Majid et al., 2015). Menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, menyatakan sejak 30 tahun yang lepas kadar aktiviti fizikal penduduk di Malaysia telah berkurangan, manakala kadar diabetes telah meningkat sebanyak empat kali ganda dan peningkatan sebanyak 280% masalah obesiti (IPH 2008; NHMS 2006; Rampal et al. 2007 & Tam Cai Lian et al., 2016). Masalah kesihatan obesiti juga sangat berkait rapat dengan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes. Punca lain yang telah dikenalpasti sebagai penyebab utama diabetes seperti keturunan, pemakanan yang tidak seimbang, kurang bersenam, umur dan jantina.

Isu ini semakin membimbangkan semua pihak terutama kerajaan dalam membendung masalah penyakit diabetes supaya tidak terus meningkat. Peranan media amat penting bagi memastikan semua maklumat dan informasi kesihatan yang berkaitan dengan diabetes dapat disebarluaskan dengan meluas dan berkesan. Artikel dan berita yang diterbitkan di dalam surat khabar perlu diperbanyak agar rakyat sedar tentang masalah kesihatan yang mengancam tubuh badan manusia pada setiap tahun.

Kempen-kempen yang berkaitan dengan penyakit seperti diabetes di Malaysia dilihat kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat (Siti Faidul Maisarah, 2017). Oleh hal yang demikian, keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk mengenal pasti dengan lebih

mendalam tentang masalah yang wujud terhadap corak pemaparan arah berita kesihatan dalam akhbar, khususnya portal Berita Harian. Selain itu, strategi mesej yang digunakan oleh Berita Harian mengenai penyakit diabetes. Hal ini akan dikupas dengan lebih lanjut di dalam kajian ini.

## 2. Tinjauan Literatur

Bahagian ini akan membincangkan tentang beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian lepas atau lebih dikenali sebagai sorotan literatur yang merupakan suatu kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji lepas dalam menghubungkan segala perkara yang telah dinyatakan dalam kajian tersebut melalui kenyataan dan idea yang telah dilemparkan di dalam penulisan mereka.

### 2.1 *Pemaparan Berita Kesihatan dalam Media*

Televisyen merupakan saluran yang penting untuk berkomunikasi kepada orang awam tentang ancaman dan keberkesanan penyampaian maklumat dengan betul. Kajian tentang ancaman dan keberkesanan berita televisyen untuk melaporkan virus Zika telah dijalankan oleh Michele K. et al. (2020), dengan menjalankan analisis kandungan terhadap berita televisyen. Dalam kajian tersebut, pengumpulan data transkrip diambil daripada tiga saluran program berita yang berbeza selama 11 bulan bermula bulan Januari hingga November 2016. Kajian ini juga menggunakan buku kodan sebagai instrumen kajian melalui kaedah pengekodan. Keputusan kajian mendapati maklumat ancaman lebih banyak dilaporkan dalam berita penyiaran berbanding maklumat keberkesanan.

Begini juga dengan kajian yang dijalankan oleh Rachel Jacob (2020) yang menyatakan bahawa tindak balas dan efikasi kendiri berkaitan dengan infografik yang dikeluarkan di dalam surat khabar The Hindu dan The Times of India didapati kurang berbanding dengan kelemahan dan tahap kesihatan yang semakin teruk telah dialami oleh pesakit COVID-19 semasa wabak ini sedang melanda dunia terutama pada 1 Januari hingga 21 Mac 2020. Kajian ini telah merumuskan bahawa saluran media perlu memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat yang jelas terutama tentang wabak COVID-19 supaya tingkah laku yang positif dapat dibentuk dalam masyarakat.

### 2.2 *Strategi Mesej Kesihatan*

Novia Puspita Utami Putri (2017) menyatakan bahawa semua informan mempunyai rasa takut dan keterukan dengan iklan bahaya merokok. Namun begitu, tidak semua informan merasa takut dan bermotivasi untuk berubah apabila melihat kandungan perkhidmatan awam tentang bahaya merokok. Justeru, pengembangan visualisasi daripada iklan bahaya merokok perlu dilakukan oleh kerajaan supaya dapat meningkatkan rasa keyakinan perokok aktif untuk berhenti merokok.

Meysam Hosseini-Amiri1 et al. (2018) pula menyatakan bahawa penggunaan Extended Parallel Process Model (EPPM) dalam pengurusan obesiti berupaya meningkatkan tahap pengetahuan, tingkah laku dan latihan semasa perkhidmatan tentera. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berfokus manakala sampel kajian ini yang digunakan adalah teknik persampelan rawak mudah dengan memilih dua pusat 12 tentera yang terletak di Yazd dan Iran. Kemudian mereka dipilih secara rawak dan diletakkan dalam dua kumpulan eksperimen yang berbeza iaitu kumpulan yang menerima maklumat tentang obesiti dan kumpulan yang tidak menerima sebarang maklumat tentang risiko penyakit obesiti.

### **2.3 Keberkesanan Mesej Kesihatan**

Kajian tentang persepsi risiko kanser paru-paru dalam kalangan perokok yang lebih tua telah dijalankan oleh Fatemeh Zarghami et al. (2021) mendapati bahawa ancaman dan keberkesanan yang dirasakan sangat penting kepada perokok yang mempunyai keinginan yang rendah untuk berhenti merokok manakala keberkesanan pula amat penting kepada perokok yang mempunyai keinginan yang tinggi berhenti merokok. Berdasarkan tinjauan literatur yang dibuat, keputusan kajian ini juga telah membantu untuk menggalakkan promosi tentang kesedaran kanser paru-paru berdasarkan tahap perubahan perokok.

Penggunaan visual infografik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan kesedaran masyarakat menunjukkan peningkatan pada setiap tahun berbanding dengan penggunaan visual berbentuk ilustrasi dan fotografi (Sharul Azim Sharudin et al., 2020). Menurut mereka, penyampaian maklumat menjadi lebih berkesan kerana dapat membantu khalayak untuk memahami mesej dengan lebih jelas 14 berkaitan mesej yang ingin disampaikan selain menggunakan teks untuk menyampaikan maklumat terutama berkaitan maklumat kesihatan.

## **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

Bahagian ini akan membincangkan dan memperincikan tentang kaedah kajian yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Penyelidikan merupakan satu proses untuk mendapatkan hasil dan penemuan baharu untuk menambah ilmu pengetahuan sedia ada. Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah analisis kandungan secara menggunakan pendekatan kuantitatif. Artikel atau berita yang dikeluarkan dalam portal Berita Harian akan digunakan sebagai data untuk kajian ini. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui pemaparan arah berita dalam akhbar Berita Harian yang berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga dilakukan bagi mengenal pasti apakah strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam akhbar Berita Harian dan sejauhmanakah tajuk berita dan strategi mesej kesihatan mempunyai kaitan dengan kempen kesihatan diabetes dengan menggunakan model EPPM. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan telah diiktiraf untuk kajian kesihatan dan hal ini menyebabkan penggunaan dan popularitinya semakin meningkat (Naddy & Sarvela, 1997).

Pengumpulan dan penganalisisan data dilakukan secara berfasa supaya lebih sistematik dan memastikan data yang dikumpul bersesuaian dengan kajian yang dijalankan memadangkan kaedah analisis kandungan kuantitatif akan digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian yang dijalankan dalam kajian ini telah dibahagikan kepada tiga fasa seperti Fasa I: Pengumpulan Data, Fasa II: Pembinaan Instrumen Kajian dan Fasa III : Analisis Data.

### **3.1 Tata Cara Pengumpulan Data**

Fasa pertama merupakan fasa untuk pengumpulan data tentang berita diabetes di Malaysia dalam portal Berita Harian. Bagi memudahkan pengumpulan data dilakukan, pengkaji telah menggunakan kata kunci untuk mencari dan mendapatkan data tentang berita kempen diabetes di dalam portal Berita Harian. Antara kata kunci yang digunakan ialah seperti diabetes, penyakit kencing manis dan penyakit tidak berjangkit (NCD). Pengumpulan data juga melibatkan model EPPM kerana lebih menjurus kepada strategi mesej yang digunakan dalam liputan berita yang dilaporkan.

Di samping itu, pengkaji juga mengekod data yang telah dikumpul supaya memudahkan proses untuk menganalisis data secara teratur. Data yang dikumpul akan dimasukkan ke dalam Microsoft Excel. Item yang terdapat di dalam Microsoft Excel ialah ID berita, kata kunci, tajuk berita, tarikh dan sumber iaitu pautan Berita Harian. Kemudian, data yang telah diperoleh akan ditapis secara tiga peringkat iaitu peringkat pertama merupakan data tentang kempen diabetes termasuk berita dan rencana di dalam dan di luar negara.

### **3.2 *Pembinaan Instrumen Kajian***

Fasa kedua adalah dimana instrumen kajian dibina menggunakan model EPPM sebagai item yang ingin dikaji dalam berita iaitu strategi mesej tentang seruan untuk bertindak, mengajar tentang solusi, mengajar tentang risiko, mengajar tentang solusi dan risiko. Pengkaji akan membina dan menggunakan buku kod dan borang kodan, sepertima yang diperjelaskan di atas. Maklumat yang terkandung di dalam borang kodan ialah seperti tarikh terbitan berita, arah berita, sumber perwakilan, gaya penyampaian mesej, tajuk berita, kategori tajuk berita, mesej, kategori mesej, imej yang disertakan di dalam berita dan keselarian antara tajuk berita dan mesej.

Selepas instrumen kajian dibina, pengkaji akan merujuk pandangan pakar untuk memastikan buku kod dan borang yang dibina boleh digunakan dalam kajian ini. Proses penambahbaikan akan dilakukan supaya instrumen kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Selain itu, kaedah kedua pula adalah dengan melantik seorang jurukod. Jurukod kedua merupakan seseorang yang boleh melaksanakan ujian kebolehpercayaan dan mengekod kandungan yang sama untuk melihat sejauhmana kedua-dua penyelidik memahami dan bersetuju dengan sampel dan instrumen kajian. Melalui cara ini juga, pengkaji dapat memeriksa semula data kajian yang telah dikumpul di Fasa I.

### **3.3 *Analisis Data***

Fasa ketiga pula merupakan fasa untuk memastikan ketiga-tiga objektif dapat dicapai dengan baik iaitu mengenal pasti pemaparan arah berita dalam Berita Harian berkaitan dengan kempen diabetes, mengenal pasti strategi mesej kesihatan yang digunakan dan menganalisis tajuk berita dan strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam Berita Harian berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia. Pengkaji juga akan menghuraikan dapatan berdasarkan model EPPM.

Di fasa ini, pengkaji akan melakukan pembersihan data dan menapis setiap data yang diperoleh daripada fasa pengumpulan data. Kemudian, pengkaji akan menganalisis data secara manual terlebih dahulu menggunakan borang kadan dan buku kod sebagai rujukan sebelum menggunakan perisian Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) versi 22. Hal ini supaya data yang akan dianalisis lebih tersusun dan sistematik apabila pengkaji mengekod setiap item ke dalam SPSS. Proses penganalisisan data akan berpandukan kepada elemen yang terkandung dalam borang kodan.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 Analisis Strategi Mesej Kesihatan

4.1.1 Analisis pemaparan arah berita dalam Berita Harian yang berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia.

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengenal pasti pemaparan arah berita dalam portal Berita Harian mengenai kempen diabetes di Malaysia. Arah berita merupakan corak atau penulisan berita yang terkandung dalam sesuatu liputan berita. Arah berita akan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu arah berita positif yang mempunyai langkah pencegahan terhadap diabetes. Arah berita negatif pula merujuk kepada arah berita yang memperlihatkan diabetes sebagai satu penyakit yang berisiko, manakala arah berita neutral pula mempunyai langkah pencegahan dan maklumat tentang diabetes sebagai penyakit yang berisiko. Berikut adalah dapatan yang diperoleh berdasarkan analisis yang telah dikaji dengan menggunakan perisian SPSS.

JADUAL 1. Arah Berita

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Neutral	11	44
Negatif	8	32
Positif	6	24
Jumlah	25	100

N=25

Jadual 1 menunjukkan arah berita yang terdapat dalam Berita Harian berkaitan kempen diabetes di Malaysia. Sepertimana yang telah dianalisis, arah berita neutral mempunyai langkah pencegahan dan maklumat tentang diabetes sebagai penyakit berisiko telah menunjukkan jumlah tertinggi iaitu 11 berita (44%). Manakala, bagi arah berita yang bersifat negatif iaitu memperlihatkan diabetes sebagai satu penyakit yang berisiko menunjukkan 8 berita (32%). Bagi arah berita positif pula mempunyai langkah pencegahan terhadap diabetes menunjukkan 6 berita (24%).

##### 4.2 Analisis strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam Berita Harian berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia.

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam akhbar Berita Harian berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia. Terdapat empat strategi EPPM yang digunakan dalam mesej atau isi berita mengenai diabetes iaitu seruan untuk bertindak yang merujuk kepada mesej yang berbentuk seruan untuk melakukan sebarang tindakan. Strategi yang kedua ialah mengajar tentang solusi iaitu merujuk kepada mesej yang menerangkan tentang langkah-langkah untuk menguruskan diabetes. Selain itu, mengajar tentang risiko yang merujuk kepada mesej yang menerangkan tentang risiko sekiranya menghidapi diabetes. Strategi keempat ialah mengajar tentang solusi dan risiko yang merujuk kepada mesej yang menerangkan tentang langkah-langkah untuk mengurus diabetes dan risiko sekiranya menghidapi diabetes. Berikut adalah dapatan yang diperoleh melalui analisis yang telah dikaji.

JADUAL 2. Strategi mesej kesihatan

Strategi	Kekerapan (YA)	Peratus (%)
Mengajar tentang risiko	9	36
Mengajar tentang solusi dan risiko	9	36
Mengajar tentang solusi	5	20
Seruan untuk bertindak	2	8
Jumlah	25	100

N=25

Jadual 2 menunjukkan strategi mesej kesihatan yang kerap digunakan oleh akhbar Berita Harian tentang diabetes. Dapatkan menunjukkan strategi mesej kesihatan ‘mengajar tentang risiko’ dan ‘mengajar tentang solusi dan risiko’ mencapai peratusan tertinggi iaitu sebanyak sembilan berita (36%). Manakala bagi strategi mesej tentang ‘seruan untuk bertindak’ mencatatkan hanya dua berita (8%) mengenai kempen diabetes. Berikut merupakan antara petikan yang menunjukkan strategi mesej kesihatan yang ‘mengajar tentang risiko’ dalam portal Berita Harian yang bertajuk Kes Penyakit Tidak Berjangkit Meningkat.

“Kes penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti **kardiovaskular, kencing manis, darah tinggi, diabetes, kanser dan strok dikesan** semakin meningkat di negara ini.”  
(Perenggan 1)

“...1.7 juta individu dewasa di negara ini menghidap tiga penyakit NCD, manakal 3.4 juta individu dewasa pula menghidapo dua penyakit NCD atau mempunyai faktor risiko utama.”  
(Perenggan 3)

Sumber : Berita Harian, 8 Oktober 2021

Selain itu, petikan di bawah pula merupakan strategi mesej kesihatan yang ‘mengajar tentang solusi dan risiko’ dan telah dilaporkan dalam portal Berita Harian yang bertajuk Jumlah pesakit diabetes meningkat ketara – KP Kesihatan.

“...kebanyakan insiden diabetes dapat **dicegah melalui amalan gaya hidup sihat, selain boleh dikesan awal dengan saringan berkala.**”  
(Perenggan 8)

“...individu berusia, obes dan **menghidap diabetes serta hipertensi, berisiko mendapat jangkitan COVID-19 lebih serius** serta boleh membawa maut.”  
(Perenggan 18)

Sumber : Berita Harian, 14 November 2020

#### **4.3 Analisis tajuk berita dan strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam Berita Harian berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia.**

Daripada hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa tajuk berita dan mesej yang digunakan dalam Berita Harian untuk mempromosikan kempen kesihatan tentang diabetes adalah selari. Hal ini dikatakan demikian kerana hampir kesemua berita yang telah dianalisis oleh pengkaji mendapati bahawa tajuk berita menyokong mesej yang terkandung dalam berita.

JADUAL 3. Tajuk berita selari dengan mesej

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Ya	24	96
Tidak	1	4.0
Jumlah	25	100
N=25		

Jadual 3 menunjukkan sebanyak 24 tajuk berita (96%) yang selari dengan mesej yang terdapat dalam portal Berita Harian. Manakala hanya satu tajuk berita (4.0%) yang tidak selari dengan mesej yang terdapat dalam berita.

#### 4.4 Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa arah berita yang terkandung dalam portal Berita Harian adalah lebih banyak bersifat neutral. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah mendefinisikan arah berita yang bersifat neutral mempunyai kedua-dua strategi iaitu mesej tentang langkah pencegahan dan mesej mengenai diabetes sebagai penyakit yang berisiko. Hal ini dikatakan demikian kerana arah berita yang bersifat neutral lebih mudah untuk difahami oleh pembaca, khususnya penghidap diabetes, dan tidak mempunyai perspektif yang berat sebelah. Arah berita bersifat negatif pula merujuk kepada mesej yang menerangkan tentang penyakit diabetes sebagai satu penyakit berisiko tinggi.

Manakala arah berita yang bersifat positif merujuk kepada arah berita yang mempunyai langkah-langkah pencegahan terhadap diabetes. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan pengkaji mendapati bahawa arah berita yang bersifat positif kurang dilaporkan oleh Berita Harian. Hal ini dikatakan demikian kerana liputan berita yang dikeluarkan mengenai diabetes adalah majoritinya bersifat neutral dan memfokuskan kepada mesej mengenai bahaya atau risiko diabetes sahaja, jika dibandingkan dengan berita tentang langkah-langkah pencegahan terhadap penyakit diabetes.

Hasil analisis bagi objektif kedua pula mendapati bahawa strategi mesej kesihatan yang kerap digunakan oleh portal Berita Harian dalam menyampaikan mesej atau berita mengenai diabetes adalah strategi ‘mengajar tentang risiko’. Manakala bagi strategi mesej yang menunjukkan ‘seruan untuk bertindak’ kurang digunakan dalam liputan berita tentang diabetes di Malaysia, khususnya di dalam Berita Harian. Pengkaji dapat merumuskan bahawa strategi ‘seruan untuk bertindak’ kurang digunakan dalam liputan berita tentang diabetes dan kebiasaananya diletakkan di bahagian atau perenggan akhir dalam berita.

Di samping itu, strategi dan kategori mesej yang digunakan dalam berita tentang diabetes adalah ‘jenis makanan’ dan ‘mengajar tentang risiko’. Hal ini dikatakan demikian kerana petikan yang mengandungi mesej tentang ‘jenis makanan’ sebenarnya menjurus kepada strategi yang ‘mengajar tentang risiko’. Namun, berdasarkan analisis yang telah dijalalankan oleh pengkaji berdasarkan model tersebut, dan mendapati bahawa strategi ‘mengajar tentang risiko’ tidak memberi sebarang kesan kepada pembaca terutama mereka yang menghidapi diabetes. Oleh hal itu, hal ini menyebabkan Malaysia masih mempunyai jumlah penghidap diabetes tertinggi di Asia (Hazira Ahmad, 2022).

Hasil kajian ini telah dipersetujui oleh Shahrul Nazmi Sannusi & Ong Yi Min (2016) yang menyatakan bahawa tajuk berita dapat membantu pembaca memahami isi berita yang ingin disampaikan dalam sesbuah berita. Penggunaan tajuk berita dan imej yang bersesuaian juga akan dapat menarik perhatian pembaca untuk mengetahui isi berita dengan lebih lanjut (Shahrul Nazmi Sannusi & Ong Yi Min, 2016).

Walau bagaimanapun, penggunaan strategi mesej kesihatan tentang seruan untuk bertindak didapati kurang digunakan sebagai tajuk berita. Berdasarkan kajian yang dibuat menggunakan model EPPM ini, strategi mesej ‘seruan untuk bertindak’ adalah lebih berkesan untuk menyeru pembaca untuk mengambil tindakan supaya ancaman yang dirasai terhadap penyakit diabetes berkurangan.

Dari segi kategori tajuk berita pula, ‘penyakit tidak berjangkit (NCD)’ kerap digunakan sebagai tajuk berita. Hal ini dikatakan demikian kerana kategori ini sangat sinonim dengan masyarakat di Malaysia terutama dalam aspek kesihatan. Hal ini dibuktikan oleh NHMS yang menyatakan bahawa jumlah penghidap penyakit tidak berjangkit di Malaysia adalah sebanyak 3.9 juta orang dewasa yang berumur 18 tahun ke atas menghidapi diabetes (Noor Atiqah Sulaiman, 2022). Oleh hal yang demikian, objektif ketiga kajian ini iaitu menganalisis tajuk berita dan strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam Berita Harian berkaitan dengan kempen diabetes di Malaysia telah pun dicapai.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini dapat menepati tujuan dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Segala aspek-aspek yang dikaji dapat memberi gambaran dan penjelasan yang lebih mendalam kepada penyelidikan. Kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa strategi mesej kesihatan memainkan peranan penting terutama yang melibatkan isu kesihatan seperti penyakit tidak berjangkit.

Dalam kajian ini, kesemua persoalan kajian mengenai pemaparan arah berita, strategi mesej kesihatan dan sejauhmanakah tajuk berita dan strategi mesej saling menyokong antara satu sama lain telah pun terjawab. Keputusan dapatan kajian menunjukkan kebanyakan arah berita yang terdapat dalam portal Berita Harian bersifat neutral.

Selain itu, kaedah analisis kandungan kuantitatif dengan instrumen kajian iaitu buku kod dan borang kodan telah digunakan dalam kajian ini. Buku kod dan borang kodan dijadikan panduan kepada pengkaji untuk meneliti setiap definisi yang diberikan serta untuk menganalisis data. Kajian ini menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Sebagai penutup, model EPPM yang digunakan dalam kajian ini adalah sesuai untuk digunakan dalam mengkaji strategi mesej kesihatan yang digunakan dalam portal Berita Harian terhadap kempen diabetes. Hal ini menjelaskan bagaimana setiap strategi mesej kesihatan mempunyai cara yang sesuai untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku pembaca juga bergantung kepada isu yang dikaji. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjelaskan lagi strategi mesej kesihatan yang sesuai untuk 55 digunakan dalam berita tentang penyakit diabetes serta membendung peningkatan jumlah pesakit diabetes yang semakin meningkat sepanjang tahun.

## Rujukan

- Abdullah, M. Y. H. (2002). Merancang kempen komunikasi berdasarkan penilaian formatif. *Jurnal Komunikasi*, 17, 43-56.
- Atkin, C. (2009). Promising strategies for media health campaigns. In W. D. Crano & M. Burgoon (Eds.), *Mass Media and Drug Prevention: Classic and Contemporary Theories and Research* (pp. 35-64). Mahwah, New Jersey: Taylor & Francis.

European Monitoring Centre for Drugs and Drug Addiction. (2013). Perspectives on drugs: Mass media campaigns for the prevention of drug use in young people.

Fatemeh Zarghami, Hamid Allahverdipour & Mohammad Asghari Jafarabadi. (2021). Extended parallel process model (EPPM) in evaluating lung Cancer risk perception among older smokers. Extended parallel process model (EPPM) in evaluating lung Cancer risk perception among older smokers. BMC Public Health.

Hayati Adilin Mohd Abd Majid. Ajau Danis. Siti Khuzaimah Ahmad Sharoni & Mastura Khalid. (2015). Environmental Mapping Framework and Childhood Obesity in Selangor, Malaysia. Center for Enviroment-Behaviour Studies. Faculty of Architecture, Planning & Surveying. Universiti Teknologi MARA, Malaysia.

Hazira Ahmad Zaidi. 2022. Malaysia mempunyai kadar diabetes kedua tertinggi di dunia. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1022621/malaysia-mempunyai-kadar-diabetes-kedua-tertinggi-di-dunia>.

Meysam Hosseini-Amiri1, Shahla Aliyari, Armin Zareiyan, Arash Dabbagh & Moghadam. (2018). The Effects of Extended Parallel Process Model on Obese Soldiers' Knowledge, Attitudes, and Practices about Obesity Management: A Randomized Controlled Clinical Trial. Iranian Journal of Nursing and Midwifery Research. University of Medical Sciences, Qom, Iran.

Michele K. Olson, Sarah C. Vos & Jeannette Sutton. (2020). Threat and Efficacy in Television News: Reporting on an Emerging Infectious Disease. Western Journal of Communication.

MyHealth. (2023). Kencing Manis (Diabetes mellitus). Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/kencing-manis/>.

Nandy, B.R & Sarvela, P.D. (1997). Content analysis re-examined: A relevant research method for health education. American Journal of Health Behaviour, 21, 222- 234.

National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy—Key Findings. (2020). Institute for Public Health. Ministry of Health Malaysia.

National Strategic Plan for Non-Communicable Disease NSP-NCD 2016-2025. (2016). Ministry of Health.

Noor Atiqah Sulaiman. (2022). Jumlah Pesakit Diabetes Meningkat Ketara – KP Kesihatan. Berita Harian, 14 November: 2020.

Novia Puspita Utami Putri. (2017). Persepsi Perokok Surabaya Terhadap Pesan Iklan Layanan Masyarakat Mengenai Bahaya Merokok. Departemen Promosi Kesehatan dan Ilmu Perilaku, Fakultas Kesehatan Masyarakat, Universitas Airlangga, Surabaya.

Rachel Jacob. (2020). Visualising Global Pandemic: A Content Analysis Of Infographics On COVID – 19. Journal of Content, Community & Communication Vol. 11. Amity School of Communication India.

- Rampal L, Rampal S, Khor GL, Zain AM, Ooyub SB, Rahmat RB, et al. (2007). A national study on the prevalence of obesity among 16,127 Malaysians. *Asia Pacific Journal of Clinical Nutrition*, 16, 561– 566. PMID: 17704038.
- Siti Faidul Maisarah Abdullah. (2017). Faktor Audien Sasaran Sebagai Penghalang Keberkesanan Kempen Antimerokok. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Putra Malaysia.
- Sharul Azim Sharudin, Normah Mustaffa & Shahrul Nazmi Sannusi. (2020). Peranan visual Instagram dalam meningkatkan kesedaran kesihatan masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 17, No.2 (2020), 91-103. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/14604/1/38267-121006-1-SM.pdf>
- Tam CL, Bonn G, Yeoh SH, Wong CP. (2014). Investigating diet and physical activity in Malaysia: education and physical activity relate to lower levels of physical activity. *Frontiers in Psychology*.